

Ruj. Kami: JANM.PRK.600 -1/3/4 (28)  
Tarikh : 05 Mac 2025

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan

### **PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.5 Tahun 2023, (Lampiran C : Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) - Pembayaran Yang Memerlukan Kebenaran Khas) adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan, pembayaran di bawah AP58(a) hendaklah diselesaikan segera **sebelum atau selewat-lewatnya pada 30 April 2025**. Pembayaran selepas tarikh ini perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia.

3. Oleh yang demikian, YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr./ Tuan / Puan adalah diminta untuk merujuk SPANM Bil. 5/2023, Lampiran C terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak bagi mengelakkan permohonan tersebut dikuiiri kerana tidak lengkap. Senarai semak permohonan untuk mendapatkan kelulusan AP58(a) adalah seperti di lampiran.

4. Perhatian dan komitmen YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan berkenaan perkara ini amat diharapkan bagi memudahcara proses bayaran AP58(a).

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA  
JANM NEGERI PERAK**